

on 21 July 2014

UNIMAS ucap Takziah



Dengan penuh dukacita, UNIMAS mengucapkan takziah buat keluarga Allahyarham Ir. Tambi Jiee, 48 yang terkorban dalam nahas pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Russia.

Allahyarham Tambi Jiee, salah seorang kakitangan Shell Berhad merupakan bekas Panel Penasihat Industri, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, selama tiga tahun bermula tahun 2008 sehingga tahun 2011.

Allahyarham yang berasal dari Kampung Goebilt, Bako, merupakan seorang panel yang bersemangat tinggi dan komited sepanjang menjawat jawatan berkenaan.

Allahyarham terkorban bersama-sama dengan isteri, Ariza Ghazalee, 46, serta empat anak, Muhamad Afif, 19, Muhamad Afzal, 17, Marsha Azmeena, 15 dan Muhamad Afruz, 13, dalam tragedi yang meragut nyawa 283 penumpang dan 15 anak kapal.

Semoga roh Allahyarham dan keluarga ditempatkan bersama orang-orang yang beriman.

AL-FATIHAH